



FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD

No. Syarikat: 800165-P
(Ditubuhkan di Malaysia)

RINGKASAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-LAPAN (“KE-8”) YANG DIADAKAN DI BANQUET HALL 1, ARAS B2, MENARA FELDA, PLATINUM PARK, NO. 11, PERSIARAN KLCC, 50088 KUALA LUMPUR PADA 1 JUN 2016 PADA JAM 11.00 PAGI

1 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa. Pengacara majlis memperkenalkan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan yang hadir, kepada para hadirin. Pengerusi kemudian mengucapkan kata-kata aluan kepada semua hadirin di Mesyuarat Agung Tahunan Felda Global Ventures Holdings Berhad (“FGV” atau “Syarikat”) Ke-8.

2 KORUM MESYUARAT

Pengerusi telah memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi bagi menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 FGV selaras dengan Artikel 58 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan seterusnya merasmikan mesyuarat.

3 NOTIS MESYUARAT

Pengerusi memaklumkan bahawa Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 FGV telah diedarkan kepada ahli bersama dengan Laporan Tahunan 2015 dan Pekeliling kepada pemegang saham pada 28 April 2016 dan mencadangkan bahawa notis untuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 FGV dianggap sebagai telah dibaca.

Pengerusi kemudian memaklumkan garis panduan pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 FGV dan memaklumkan bahawa pengundian akan dijalankan secara “polling” elektronik (“e-Polling”) selaras dengan amalan-amalan baik tadbir urus korporat.

Pengerusi memaklumkan bahawa proses “e-Polling” akan dimulakan selepas semua resolusi mesyuarat diselesaikan. Beliau kemudian mengisyiharkan bahawa pendaftaran akan ditutup sejurus apabila proses “e-Polling” dimulakan bagi memberikan masa yang mencukupi untuk hadirin yang lewat hadir untuk mendaftar dan menyertai mesyuarat.

4 PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI SYARIKAT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

YBhg. Dato’ Zakaria Arshad selaku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV telah meneruskan dengan pembentangan Laporan Prestasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

5 SESI SOAL JAWAB

Sebelum meneruskan agenda mesyuarat, Pengerusi telah menjemput Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, YBhg. Dato' Zakaria Arshad untuk membentangkan soalan-soalan yang telah diterima daripada Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (“MSWG”) berserta dengan jawapannya.

Seterusnya, YBhg. Dato' Yahaya Abd Jabar selaku Pengerusi, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan FGV telah membentangkan soalan-soalan yang telah diterima daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”) berserta dengan jawapannya.

Kemudian, Tuan Haji Ahmad Tifli Dato' Haji Mohd Talha, Ketua Pegawai Kewangan FGV telah membentangkan soalan-soalan yang telah diterima daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (“KWAP”) berserta dengan jawapannya.

Pengerusi meneruskan mesyuarat dengan menjemput para pemegang saham, proksi dan wakil korporat untuk mengemukakan sebarang soalan berkaitan dengan Laporan Prestasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 atau sebarang soalan berkaitan dengan perniagaan Syarikat Kumpulan FGV. Setelah soalan-soalan dijawab, mesyuarat diteruskan dengan agenda mesyuarat.

6 AGENDA MESYUARAT

Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015 dan Laporan Para Pengarah serta Juruaudit yang berkaitan dengannya yang dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 FGV telah diterima dan diterima pakai.

Pengerusi telah menjalankan kuasa di bawah Artikel 62 Tataurus Pertubuhan Syarikat, dengan menuntut undian secara “polling” bagi semua resolusi seperti yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan bertarikh 28 April 2016 seperti berikut :

RESOLUSI	AGENDA
Resolusi Biasa 1	Untuk meluluskan pembayaran Dividen Akhir sebanyak 2 sen sesaham biasa, di bawah sistem satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015
Resolusi Biasa 2	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad yang bersara menurut Artikel 88 Tataurus Pertubuhan Syarikat
Resolusi Biasa 3	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob yang bersara menurut Artikel 88 Tataurus Pertubuhan Syarikat
Resolusi Biasa 4	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Dato' Zakaria Arshad yang bersara menurut Artikel 94 Tataurus Pertubuhan Syarikat
Resolusi Biasa 5	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Dato' Siti Zauyah Md Desa yang bersara menurut Artikel 94 Tataurus Pertubuhan Syarikat
Resolusi Biasa 6	Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah sebanyak RM1,801,561.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015
Resolusi Biasa 7	Untuk melantik semula Tetuan Pricewaterhouse Coopers sebagai Juruaudit Syarikat dan untuk membenarkan para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka
Resolusi Biasa 8	Cadangan pembaharuan mandat pemegang saham bagi urusniaga-urusniaga berulang dengan pihak berkaitan sedia ada yang berbentuk hasil atau dagangan dan cadangan mandat pemegang saham bagi urusniaga-urusniaga berulang dengan pihak berkaitan yang berbentuk hasil atau dagangan yang baharu

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (800165-P)
Ringkasan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8

Setelah semua urusan mesyuarat selesai, Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat akan diteruskan dengan memulakan pengundian secara “e-Polling” seperti yang dituntut oleh beliau.

Beliau kemudian telah mengisytiharkan bahawa pendaftaran untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan ke-8 FGV ditutup. Setiausaha Syarikat kemudian meneruskan prosiding dengan menjelaskan prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi bagi menjalankan undian secara “e-Polling”. Setelah selesai proses “e-Polling”, Setiausaha Syarikat telah menyerahkan semula prosiding kepada Pengerusi.

Pengerusi kemudian mengumumkan keputusan pengundian secara “e-Polling” dan memaklumkan bahawa semua resolusi telah diluluskan berdasarkan keputusan berikut daripada Pentadbir “e-Polling”, Symphony Share Registrars Sdn Bhd dan Pemantau Bebas, Symphony Corporatehouse Sdn Bhd :

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-8 FGV	SETUJU		TIDAK SETUJU	
	Jumlah Saham	%	Jumlah Saham	%
Resolusi Biasa No. 1	2,073,021,575	99.9982	36,800	0.0018
Resolusi Biasa No. 2	1,982,545,296	99.8080	3,813,939	0.1920
Resolusi Biasa No. 3	1,992,642,536	99.8684	2,624,939	0.1316
Resolusi Biasa No. 4	1,992,810,436	99.8623	2,748,839	0.1377
Resolusi Biasa No. 5	1,949,088,380	97.6836	46,220.095	2.3164
Resolusi Biasa No. 6	1,969,049,525	95.0076	103,469,050	4.9924
Resolusi Biasa No. 7	2,072,939,075	99.9933	139,100	0.0067
Resolusi Biasa No. 8	1,369,684,933	99.9963	50,900	0.0037

Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Setiausaha Syarikat tidak menerima sebarang notis untuk membentangkan dan membincangkan lain-lain urusan biasa untuk mesyuarat ini.

7 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli-Ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 FGV dan seterusnya mengisytiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 FGV tamat pada jam 2.40 petang.